

**Siaran Akhbar:**

**Surat Terbuka kepada Perdana Menteri dan Ahli Parlimen: 10 Oktober 2024**



*Gambar: YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim memegang poster yang menyokong pindaan perlembagaan bagi membenarkan ibu-ibu Malaysia menurunkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara secara kuatkuasa undang-undang, semasa Pelancaran Manifesto GE15 Wanita Pakatan Harapan pada tahun 2022.*

### **Kian Lama Menunggu, Sudah 600 Hari Berlalu: Wanita-Wanita Mendesak PMX dan Ahli Parlimen untuk Menepati Janji Kewarganegaraan untuk Anak-Anak Mereka.**

**Malaysia semakin hari semakin dekat ke arah pindaan keserataan yang bersejarah, dan kami mendesak semua Ahli Parlimen untuk menghormati komitmen mereka dan memastikan hak kewarganegaraan yang sama rata untuk wanita warga Malaysia.**

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Kabinet Malaysia dan Ahli-Ahli Parlimen,

Pada [Februari 2023](#), lebih daripada 600 hari yang lalu, kerajaan telah berjanji kepada kami, wanita-wanita warga Malaysia, hak untuk menurunkan kewarganegaraan kepada anak-anak kami yang dilahirkan di luar negara melalui pindaan perlembagaan. Setelah melalui pelbagai penangguhan dan berbulan-bulan penantian, kami dengan hormat meminta agar janji ini ditunaikan semasa sidang Dewan Rakyat yang akan datang, sebagaimana yang disahkan oleh Menteri Dalam Negeri, [Dato' Seri Saifuddin Nasution](#) baru-baru ini.

Kami, wanita-wanita warga Malaysia, menyambut baik usaha kerajaan YAB untuk menangani isu-isu lama berkaitan kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu-ibu warga Malaysia – melalui pindaan dalam RUU (Pindaan) Perlembagaan 2024 yang bakal merangkumi perkataan “ibu” dalam Seksyen (1)(b) dan (1)(c) Bahagian II Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Kami juga ingin merakamkan rasa syukur kami yang tidak terhingga kepada Menteri Dalam Negeri yang dengan proaktifnya telah mempercepatkan kelulusan kewarganegaraan kami di bawah Perkara 15(2). Kelulusan ini telah memberikan kelegaan dan keyakinan kepada kami bahawa anak-anak kami yang kini telah menjadi warganegara Malaysia tidak akan berpisah daripada kami.

Setiap hari seorang ibu warga Malaysia menunggu untuk status kewarganegaraan anaknya, semakin menambah kerentanan mereka, termasuk keganasan domestik, pemisahan keluarga, kebimbangan tentang masa depan anak-anak mereka, dan beban kewangan akibat kos pembaharuan visa dan pas, termasuk waktu menunggu yang lama dan permohonan kewarganegaraan yang berulang untuk anak-anak mereka yang bukan warganegara.

Ini mengukuhkan betapa pentingnya pindaan perlembagaan ini diluluskan dengan segera tanpa berlengah lagi. Setiap hari yang berlalu tanpa pindaan perlembagaan ini menyusutkan lagi hak wanita warga Malaysia dan anak-anak mereka. Penangguhan yang berlanjutan berisiko menafikan kewarganegaraan kepada lebih ramai anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita-wanita warga Malaysia dan memaksa mereka menanggung akibat ketidakadilan undang-undang kewarganegaraan sedia ada. Wanita warga Malaysia selepas ini tidak sepatutnya dipaksa untuk membuat pilihan antara mempertaruhkan nyawa dan kandungan demi menjamin kewarganegaraan anak mereka. Mereka tidak seharusnya dipaksa meninggalkan keluarga mereka yang di luar negara hanya untuk melahirkan anak di Malaysia bersendirian.

Walaupun kami sangat gembira akan komitmen kerajaan untuk menyelesaikan isu ini, kami masih berasa sedih kerana sebagai ibu yang sedia ada, kami tidak akan termasuk di dalam pindaan ini kerana sifatnya yang tidak retroaktif. Kami telah berkempen tanpa henti selama bertahun-tahun, namun masih ada beberapa anak kami yang permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) masih tertangguh atau telah ditolak tanpa penjelasan. Mereka mungkin tidak akan menjadi warganegara Malaysia sepanjang hayat mereka. Mereka yang berada di luar negara dan tidak dapat memohon semula di Putrajaya, serta mereka yang menghadapi halangan dalam proses permohonan juga akan terkesan. Lebih penting lagi, pindaan ini mengecualikan anak-anak yang dilahirkan di luar negara yang kini berusia lebih 21 tahun dan tidak layak untuk memohon, termasuk beberapa yang ibu-ibu mereka telah meninggal dunia, meneruskan lagi diskriminasi bersejarah ini.

Sifat budi bicara Perkara 15(2) dan penolakan tanpa alasan menjadikannya mustahil bagi semua anak-anak yang dilahirkan di luar negara untuk memperoleh kelulusan. Selain itu, ibu-ibu warga Malaysia yang menghadapi isu kesihatan, pertikaian hak penjagaan, status ibu tunggal, dan tekanan kewangan masih tidak pasti akan masa depan mereka. Jika pindaan ini tidak dilaksanakan dengan segera secara retroaktif dan retrospektif, lebih ramai

wanita warga Malaysia akan menghadapi cabaran ini. Oleh itu, adalah penting bahawa pindaan bagi ibu diluluskan secara retroaktif.

Wanita-wanita warga Malaysia dari seluruh dunia dengan tulus ikhlas meminta YAB untuk memastikan bahawa pindaan ibu dibaca dalam sidang Parlimen yang akan datang minggu depan, seperti yang telah dijanjikan. Kami juga menyeru semua 222 Ahli Parlimen untuk mengutamakan hak pengundi wanita mereka dan anak-anak yang dilahirkan di luar negara dengan memberikan undi sokongan kepada pindaan penting ini. Kami juga meminta agar pindaan regresif yang lain dipisahkan dan dihentikan.

Tiada rakyat Malaysia atau anak-anak mereka harus dilupakan.

### **Kata-kata daripada wanita warga Malaysia:**

1. Sebagai seorang ibu Malaysia, saya tak mampu lagi menerima layanan tak adil terhadap anak saya, yang telah tinggal di Malaysia hampir seumur hidup dia yg berusia 7 tahun, tetapi masih dianggap seperti orang asing, orang luar.

Setiap tahun, kami terpaksa melalui proses yang menyakitkan untuk perbaharui visa dia, seolah-olah dia tak layak tinggal di sini, walaupun dia fasih bercakap Melayu, menyanyi lagu 'Negeraku,' dan sepenuhnya rasa diri dia rakyat Malaysia. Ini tanah airnya, rumahnya. Kenapa saya, sebagai seorang ibu, harus menanggung kesedihan melihat anak saya dilayan berbeza?

Kenapa anak saya tak dibenarkan jadi warganegara Malaysia, seperti anak-anak yang lahir di luar negara dengan ayah Malaysia dan ibu warga asing? Apa yang buat anak saya kurang layak?

- Sarah (nama samaran), seorang ibu Malaysia yang terkesan.

2. Lima tahun yang lalu, saya terpaksa melepaskan segalanya di Jerman dan mempertaruhkan nyawa saya untuk pulang ke tanah air bagi melahirkan anak saya. Setelah lama berjuang, kini kedua-dua anak perempuan saya adalah warganegara Malaysia. Saya berharap pada masa depan anak-anak perempuan saya tidak perlu memilih antara keselamatan mereka sendiri dan kewarganegaraan Malaysia untuk anak yang belum lahir, seperti yang saya lakukan sebelum ini. Ini tidak adil bagi kami..

- Esther, seorang ibu Malaysia yang terkesan.

3. Sebagai bakal ibu, saya membayangkan Malaysia di mana wanita menikmati kesaksamaan sepenuhnya dengan lelaki, bebas daripada ketakutan yang anak-anak kita mungkin tidak diiktiraf sebagai warganegara. Wanita seharusnya tidak perlu mengharungi perjuangan yang panjang hanya untuk menuntut secara sah apa yang sepatutnya diiktiraf secara automatik. Kita seharusnya boleh berkahwin tanpa bimbang tentang negara asal pasangan kita dan menjalani kehidupan yang

bertenaga dalam komuniti yang menegakkan kesaksamaan untuk semua. Inilah visi saya untuk Malaysia yang progresif.

- Aaliyah, wanita warga Malaysia

**Wanita Malaysia yang Menyokong Surat ini:**

1. Ummi Faustina binti Wafi Lim
2. Amy Rachel Lai Oi Li
3. Hon Jia Xuan
4. Fiona Eudora Gomez
5. Adaiah Wong
6. Michelle Ong
7. Lynna Wong
8. Tiana Danielle Xavier
9. Fararina Bte Kamil
10. Sarah Czarina Mashanis
11. Nathasvari Karoonamoorthi
12. Sumitha Samiappan
13. Melinda Anne Sharlini
14. Alicia Dixon
15. Nur Aliyya Khairutheen
16. Vanesa Chung Martinez
17. Lalitha Samiappan
18. Raveena Nagotra
19. Azalea Wong
20. Areesha Nair
21. Pallavi A/P Kiruba Ganesan
22. Emmy Williams
23. Esther Teo
24. Mashithah binti Abdul Halim
25. Leanne Majambun
26. Jolene Siah
27. Jade Choong
28. Lim Pearleen
29. Norhaliza Binti Mat Zain
30. Mellisa See
31. Natasha Kim
32. Rebecca Augustin
33. Yvonne Augustin
34. Jorja Chooi
35. SookYeen Lee
36. Lilian Tai
37. Mariasela Padmanathan
38. Khairun Nisaq Taslim
39. Leong Mei Quin
40. Emmy Williams
41. Adlyn Binti Adam Teoh

42. Patricia Low Pek Wan
43. Christine Al Jammal Binti Larry Nimuh
44. Lim Oon Syn
45. Elaine Lam
46. Josil Murray
47. Headry Tiuh
48. Chin Nyiuk Syarm
49. Loh Bun Khiun
50. Anita
51. Maryam Jameela
52. Nik Elin Nik Yusoff
53. Ashley Wong
54. Li Li
55. Nur Ain binti Abdullah
56. Suat Bee
57. Ng Mei Mei
58. Esther Thong
59. Agnes Ngim
60. Jane Lim
61. Zuanne Cheng
62. Shamila Unnikrishnan
63. Kamala Ernest
64. Sumalini Lalita
65. Suriyanti Binti Harun
66. Christina Leong Chi Wei
67. Ng An Li
68. Lee Suet May
69. Lim Sok Ee
70. Gaithiri Siva
71. Karen Hau
72. Leila Louise Fitton
73. Ang Boon Yen
74. Aniza
75. Sharm Rajoo
76. Lee Cheng Yie
77. Pamela Wong S L
78. Sarijah Abd Hamid
79. Chee Huey Ning
80. Buelah Subramaniam
81. Ummal Remiza Binti Khaja Mohideen
82. Lydia Chai
83. Chia Ai Lin
84. Marlene Lim
85. Prema Krishnamuthi
86. Tissy Tiong Ing Swan
87. Ho Wen Chia
88. Lee Lei Nooi
89. Lee Oh Muai

90. Liew Lee Peng
91. Amelia Tai
92. Hor Li Ming
93. Julieson Anak Jabal
94. Eva McGovern
95. Amirah Anis Khair
96. Kavita Kaur
97. Joanna Kovilpillai
98. Krystle Low
99. Tasneem Muhammad
100. Raajeswari Nadarajan
101. Defny Mohd Yusri
102. Yow Ing Shyen
103. Gooi Soo Hui
104. Rebecca Khor Keng Li
105. Claire Wong
106. Amutha Vijnthran
107. Peck Gee Chua
108. Pamela Yeh
109. Suhaina Mohammed
110. Judith Teo
111. Jean Liew
112. Hiew Keh Ai
113. Monica See
114. Sofia Yusof
115. Lee su hoon
116. Karen Lim
117. Saunders Au
118. Ooi Sue Yin
119. Sharini Yogi
120. Yogamalar Rajadurai
121. Boey Sook Yen
122. Yap Yee Leng
123. Wong Sau Lai
124. Jenny Lim
125. Monica Lim
126. Chen Mi Ghent
127. Khoo Hwang Gee
128. Emmy Clarice Naili
129. Ng Koon Lee
130. Dr. Melati Nungsari
131. Naomi Chey
132. Christine Teh
133. Misha Samantha Pairin
134. Shahlina
135. Maxima Teh
136. Cassandra Chong
137. Monaliza Lim

138. Maizatul Mohamed
139. Karen Yeaw
140. Daphne Lee
141. Priya Kulasagaran
142. Cheryl Lau Hui Lin
143. Yong Fui Chin
144. Celine Lim
145. Linda Goh
146. Mah Li Nee
147. Cleopatra Sandud
148. Ng Siow May
149. Chin Yun Wen
150. Aaliyah Danial